

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]
TARIKH : 12 MAC 2014
SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pengumuman BERNAS pada 11 Februari 2014 bahawa pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham majoritinya tidak berpengetahuan mengenai susunan bertulis rancangan penstrukturan-semula dan penyenaiaan-semula BERNAS di mana NAFAS dan NEKMAT akan mendapati 5 peratus pegangan saham setiap satu dalam badan yang akan disenaraikan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Cadangan penyenaiaan keluar BERNAS dari Bursa Malaysia telah dibentangkan kepada pemegang-pemegang saham BERNAS untuk pertimbangan dan kelulusan pada Mesyuarat Agung Luar biasa BERNAS pada 27 Januari 2014 melalui proses pengundian (*polling*) dan masih belum dimuktamadkan.

Namun demikian, sekiranya penyenaiaan keluar BERNAS dimuktamadkan, sebarang perancangan penstrukturan sama ada dari segi organisasi ataupun pegangan ekuiti serta penyenaiaan semula BERNAS adalah tertakluk kepada keperluan perniagaan dan situasi pasaran pada ketika itu. Di dalam pelaksanaan penyenaiaan semula, pengagihan saham BERNAS akan dibuat berpandukan tatacara yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia.